



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

FAKTA AUDIT

JABATAN PERDANA MENTERI

Majlis Profesor Negara (MPN)

Skop Pengauditan

Penilaian terhadap aspek tadbir urus korporat MPN dalam mengendalikan aktiviti bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023.

Penilaian terhadap aspek kedudukan kewangan meliputi analisis penyata kewangan beraudit tahun 2020, 2021 dan 2022.

Kenapa Perlu Diaudit

MPN tidak pernah diaudit oleh Jabatan Audit Negara sejak diperbadankan pada tahun 2014.

MPN menerima geran mengurus daripada Kerajaan berjumlah RM35.84 juta bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018 serta 2022 dan 2023.

Rumusan Audit

Objektif penubuhan MPN berdasarkan Artikel Pertubuhan pindaan 26 Ogos 2019 tidak tercapai, amalan tadbir urus korporat berada pada tahap tidak memuaskan dan kesinambungan operasi dan sumber kewangan MPN tertakluk kepada terimaan peruntukan daripada Kerajaan.

Penemuan Audit

Pindaan Artikel Pertubuhan pada tahun 2019 mengakibatkan objektif MPN tidak lagi selari dengan matlamat asal penubuhannya.

Dua ahli Lembaga Pemegang Amanah (LPA) tidak mengisytihar kepentingannya sebagai pemilik saham kepada dua syarikat persendirian selaras dengan Akta 777 dan penyalahgunaan dana MPN bagi pembiayaan operasi kepada dua syarikat tersebut berjumlah RM373,516 mewujudkan konflik kepentingan.

Pembayaran elaun tetap Pengerusi dan Timbalan Pengerusi berjumlah RM207,000 tanpa kelulusan menteri yang dipertanggungjawabkan.

Pembayaran yang dibuat tanpa kelulusan LPA:

- Honorarium felo penyelidik berjumlah RM399,000.
- Pemasangan lif dan pengubahsuaian pejabat berjumlah RM82,500.
- Penyelarasan gaji pengurusan tertinggi berjumlah RM62,500.
- Pembayaran elaun tetap Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif berjumlah RM66,000.

Pengurusan geran tidak cekap kerana:

- Pengiktirafan geran tertunda sebagai hasil berjumlah RM2.43 juta tanpa dokumen sokongan.
- RM0.92 juta dibelanjakan tidak mengikut tujuan geran diluluskan.
- RM475,000 peruntukan tidak digunakan.

Pembayaran kad kredit korporat berjumlah RM98,076 dan wang pendahuluan berjumlah RM20,000 tanpa dokumen sokongan.

	Syor Audit Jabatan Perdana Menteri (JPM) perlu mengkaji semula status MPN sebagai syarikat di bawah seliaan Kerajaan. Status MPN perlu diputuskan sebelum dipertimbangkan sama ada penyaluran peruntukan geran kepada MPN wajar diteruskan. Sekiranya MPN kekal sebagai syarikat di bawah seliaan Kerajaan, MPN perlu membuat pindaan terhadap Artikel Pertubuhan dengan memasukkan wakil Kerajaan dalam LPA untuk memantau operasi dan kewangan MPN. JPM perlu mengambil tindakan sewajarnya terhadap pengurusan MPN bagi ketakteraturan yang dikenal pasti dengan merujuk kepada agensi penguatkuasaan berkaitan dan pengurusan MPN perlu dirombak secara menyeluruh.
--	--